

Nilai hormat di kalangan pelajar UiTM Perlis terhadap pensyarah (dari perspektif pensyarah)

Surina Nayan*, Latisha Asmaak Shafie, Mahani Mansor, Mohd. Izwan Osman, Nazira Osman
Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Perlis, 02600 Arau, Perlis
Tel:04-9882815 Email: surinana@perlis.uitm.edu.my

***Abstrak-** Kajian dijalankan bertujuan untuk meninjau tahap penghayatan nilai hormat para pelajar UiTM Perlis terhadap para pensyarah dari perspektif para pensyarah. Kajian ini melibatkan sejumlah 30 sampel kajian yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UiTM Perlis yang mempunyai pengalaman serta tahun pengajaran yang berbeza mengikut fakulti serta jabatan masing-masing. Maklumat kajian diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada semua sampel yang terlibat. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya para responden memberi persepsi bahawa secara keseluruhannya para pelajar UiTM Perlis mempunyai nilai-nilai hormat terhadap pensyarah. Walau bagaimanapun, beberapa aspek nilai hormat yang mendapat peratus penghayatan yang rendah dan perlu diberi perhatian oleh kedua-dua pihak iaitu para pensyarah serta para pelajar itu sendiri semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memantapkan lagi amalan penghayatan nilai hormat yang sedia ada bagi menjamin proses pengajaran serta pembelajaran yang berkualiti untuk melahirkan para graduan yang mempunyai nilai-nilai murni terutamanya nilai-nilai hormat.*

Kata kunci: hormat, nilai murni, akhlak

1.Pengenalan

Kebelakangan ini masalah kemerosotan nilai hormat terhadap para pensyarah seringkali menjadi tajuk perbincangan antara para pensyarah di institusi pengajian tinggi (IPT). Penghayatan nilai hormat terhadap pensyarah adalah salah satu komponen nilai-nilai murni. Kemerosotan nilai hormat terhadap pensyarah dikhuatiri akan menyebabkan kemerosotan akhlak di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Jika para pelajar tidak menghormati para pensyarah mereka, para pensyarah tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran. Jika nilai-nilai murni ini tidak dapat diterapkan di kalangan para pelajar, para pelajar dikhuatiri menjadi tidak berdisiplin, jujur dan amanah. Suasana pembelajaran dan pengajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) memerlukan para pelajar berdisiplin dan berdikari. Menyedari hakikat ini, pengkaji ingin meninjau tahap penghayatan nilai hormat terhadap para pensyarah di kalangan pelajar dari persepsi pensyarah.

2.Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah mengenal pasti tahap penghayatan sikap hormat pelajar terhadap pensyarah dari perspektif para pensyarah.

Objektif khusus kajian ialah :

2.1 Mengetahui tahap penghayatan nilai hormat pelajar terhadap pensyarah.

2.1.1.Meninjau pandangan para pensyarah terhadap kepentingan nilai hormat terhadap para pensyarah.

3.Metodologi

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi MARA, Perlis (UiTM Perlis). Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengenal-pasti nilai hormat di kalangan para pelajar UiTM Perlis terhadap para pensyarah. Oleh itu, para responden adalah terdiri daripada kalangan pensyarah yang mengajar di UiTM Perlis yang mengajar pelbagai bidang seperti sains dan teknologi, pengurusan perniagaan, bahasa dan sebagainya. Para responden terdiri daripada para pensyarah yang mengajar dua hingga lima tahun dan juga pensyarah-pensyarah yang berpengalaman lebih daripada sepuluh tahun. Seramai 30 orang responden menyertai hasil kajian ini dengan mengisi borang kaji selidik yang disediakan.

Soalan-soalan yang disertakan di dalam borang kaji selidik merangkumi kelakuan, tatatertib, maruah dan perbuatan para pelajar di hadapan para pensyarah. Para responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka terhadap 21 soalan yang disediakan. Skala Likert digunakan di mana responden perlu menandakan samada sangat setuju (skala 1), setuju

(skala 2), tidak pasti (skala 3), tidak bersetuju (skala 4) atau sangat tidak bersetuju (skala 5). Hasil kaji selidik kemudiannya dianalisa dengan menggunakan analisa deskriptif.

4. Konsep hormat

Terdapat beberapa definisi maksud perkataan hormat yang dipetik dari beberapa sumber. Antaranya ialah menurut Kamus Dewan Edisi ketiga 2002, perkataan hormat membawa erti mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberi layanan yang penuh sopan, khidmat, takzim. Manakala di dalam Islam, konsep hormat mempunyai kaitan dengan adab. Adab di dalam perkataan arab bermaksud adat resam dan ia menggambarkan perbuatan seharian, etika serta perilaku manusia yang dilihat sebagai model (Marwan Ibrahim Al-Kaysi, 1986). Apabila kita membincangkan nilai hormat, ianya tidak dapat dipisahkan dari nilai adab, moral serta akhlak. Ini adalah kerana nilai hormat sebenarnya lahir dari adab, akhlak mulia serta moral yang tinggi.

Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk mempunyai falsafah pendidikannya yang tersendiri sebagaimana yang berikut iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Negara ini, dapat disimpulkan bahawa berakhlak mulia ini sememangnya amat ditekankan kepada para pelajar di samping sifat-sifat lain yang sama-sama mendokong pembinaan sahsiah serta peribadi mulia. Ini adalah perlu bagi menjamin kesejahteraan bersama kerana para pelajar ini akan menjadi pemimpin pada masa hadapan yang menjadi tonggak pembangunan negara. Sepertimana kita ketahui, masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai bangsa dan agama, begitu jugalah dengan para pelajar di UiTM Perlis yang mana terdapat juga kalangan pelajar bumiputryanya yang bukan berbangsa Melayu dan beragama Islam. Justeru itu elok kiranya kita melihat konsep nilai hormat ini secara menyeluruh dan tidak hanya terperinci kepada hanya kaum Melayu yang beragama Islam sahaja. Oleh kerana nilai hormat ini

berkait rapat dengan akhlak, maka nilai akhlak di kalangan masyarakat majmuk Malaysia perlu dilihat. Menurut Aswati (2007), nilai akhlak dalam kalangan masyarakat Malaysia terbentuk daripada akulturasi nilai-nilai kerohanian yang mutlak dan suci yang telah termaktub dalam ajaran agama, terutamanya agama Islam sebagai agama rasmi negara, juga nilai-nilai yang baik dari semua agama lain; di samping nilai-nilai tradisi yang tidak bercanggah dengan sistem nilai ini. Sistem nilai inilah yang menjadi panduan kepada kelakuan, tatatertib, maruah dan perbuatan lahiriah yang mencerminkan akal budi, keimanan, dan kepercayaan masyarakat Malaysia. Oleh itu akhlak masyarakat Malaysia dapat diertikan sebagai perlakuan baik buruk mengikut suruhan dan larangan agama serta amalan tradisi masyarakat negara ini. Dengan perincian yang diberikan, kita dapat simpulkan bahawa akhlak masyarakat Malaysia adalah berhubung rapat dengan pegangan agama masing-masing yang mana semua agama ini menyuruh kepada kebaikan dan menjauhi keburukan. Dalam membincangkan isu akhlak ini juga, para pelajar tidak terlepas dari berakhlak mulia terhadap para pensyarah. Antara akhlak-akhlak yang dituntut terhadap para pensyarah ialah memberi hormat dan salam. Memberi salam atau mengucapkan salam ataupun kata-kata baik apabila bertemu dan bersua dengan para guru merupakan tanda kita menghormati mereka (Abdul Wahid, 1992). Antara perbuatan lainnya yang dapat dilakukan oleh para pelajar bagi menunjukkan rasa hormat mereka kepada para guru ialah berdiri apabila bercakap, jangan bercakap banyak di hadapan guru, jangan mengungkit perbezaan, jangan menduga guru, jangan memperkecilkan guru, duduk dengan tenang dan sopan di hadapan guru, tumpukan kepada pengajaran guru, mengemukakan soalan dengan rendah diri dan juga sentiasa mengingati jasa guru.

Apabila berbincang mengenai isu menunjukkan rasa hormat ini juga, Abdur Rehman (1982) memberikan pandangan bahawa perlunya ucapan salam yang menunjukkan rasa hormat dizahirkan terutamanya dari yang muda kepada yang tua, yang berdiri kepada yang duduk dan yang berada di luar rumah kepada di dalam rumah. Ini amat berkait rapat dengan akhlak muslim yang baik.

Kajian keatas 488 orang pelajar Tingkatan Empat di 12 sekolah menengah di Trengganu (Ab.Rahman b. Mahmud dan Amidin b. Zin, n.d.) untuk mengenal pasti 16 nilai amalan murni di kalangan para pelajar mendapati pelajar perempuan mendapat min yang tinggi dalam 9 nilai murni yang dikaji iaitu nilai hormat-menghormati, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan,

kesederhanaan dan semangat kejiranan. Sementara pelajar –pelajar lelaki hanya berjaya mendapat min yang tinggi dalam 5 nilai murni iaitu nilai baik hati, berdikari, kasih sayang, kerjasama dan kesyukuran. Pada keseluruhannya, para pelajar meletakkan nilai hormat sebagai nilai ketiga penting antara 16 nilai murni.

Apabila membincangkan konsep 1Malaysia, ketiga-tiga teras perpaduan iaitu penerimaan, prinsip-prinsip kenegaraan dan keadilan sosial perlu didokongi oleh nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, tawaduk dan kesederhanaan. Oleh itu jika para pelajar tidak mengamalkan nilai hormat dalam kehidupan harian mereka, konsep 1 Malaysia tidak dapat dipraktikkan dengan jayanya.

Satu kajian telah dijalankan oleh Hoo Yee Wan (2006) ke atas 243 orang pelajar tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah di Johor untuk memastikan tahap pengamalan nilai murni di dalam kehidupan harian mereka. Hasil kajian beliau menunjukkan pengamalan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kerajinan, berhemah tinggi, kebersihan fizikal dan mental serta patriotisme adalah tinggi. Beliau juga menyarankan bahawa usaha yang berterusan wajar diambil supaya pengamalan nilai-nilai murni ini berterusan.

Amalan menghormati para pensyarah, para pelajar institut pengajian tinggi akan dapat menjalinkan hubungan baik dengan pensyarah-pensyarah mereka. Kajian yang dijalankan oleh H.K. Ch'ng, W.K. Chong and Nakesvari (2010) untuk mengenai kepuasan bekerja di kalangan pensyarah kolej pensendirian di Pulau Pinang mendapati salah satu faktor yang mempengaruhi kepuasan bekerja adalah hubungan yang sihat antara para pelajar dan para pensyarah. Jalinan sihat antara pelajar dan pensyarah dapat membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Kajian yang dijalankan oleh Haji Raja Sulaiman bin Raja Hassan dan Hafliza Halili (n.d) untuk mengkaji rahsia kejayaan enam pelajar Kolej Matrikulasi Kedah dalam program Matrikulasi sesi 2007/2008 mendapati hubungan erat dan komunikasi baik antara pelajar-pelajar tersebut dan para pensyarah mereka adalah kunci utama kejayaan mereka. Kajian ini mendapati 3 faktor utama punca kejayaan enam pelajar tersebut adalah faktor pensyarah yang sentiasa membantu mereka dalam menempa kejayaan mereka, cara belajar yang betul dan diri sendiri. Salah satu ciri yang mempengaruhi faktor diri sendiri adalah nilai menghormati pensyarah. Hubungan erat dan komunikasi yang baik tidak dapat dipupuk tanpa

nilai murni sifat hormat yang ditunjukkan oleh para pelajar.

Yahya dan Rozita (2003) dalam kajian mereka ke atas 90 pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) mendapati bahawa secara keseluruhannya nilai hormat menghormati selalunya dihayati oleh responden. Ini adalah kerana para responden merasakan bahawa mereka perlu menghargai dan memuliakan pensyarah dan pembantu makmal di bengkel semasa menjalankan amali agar pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

5.Faktor-faktor yang menyebabkan kelunturan nilai murni sifat hormat

Berdasarkan kepada pemerhatian serta pengalaman, dapat disimpulkan faktor-faktor yang menyebabkan kelunturan nilai murni sifat hormat ini di kalangan para remaja terutamanya pelajar yang mana antara lainnya ialah:

5.1 Kurang didikan ibu bapa di rumah dari aspek kekeluargaan dan kemasyarakatan adalah salah satu factor lunturunya nilai murni ini. Anak-anak tidak diberi pendedahan tentang nilai dan sifat murni yang perlu ada dalam diri. Tambahan pula kadang kala ibu bapa sendiri tidak memberi contoh teladan yang baik terhadap anak-anak ini terutama sekali ibu bapa yang kurang berpendidikan.

5.1.1 Masyarakat sendiri pada ketika ini yang mementingkan sifat individualistik dan mengejar kebendaan. Kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak mengenali jiran tetangga serta tidak lagi melakukan kerja gotong royong bersama-sama yang mana proses interaksi sesama masyarakat makin berkurangan. Dengan itu, ini akan menimbulkan masalah pergaulan di mana terkikis sifat saling menghormati serta sifat ingin membantu sesama jiran yang akhirnya membawa kepada lunturunya perasaan hormat sesama sendiri.

5.1.2 Kurikulum di sekolah atau institusi pengajian yang mementingkan kepada pencapaian akademik pelajar berbanding nilai-nilai murni yang lain mungkin menjadi salah satu punca lunturunya nilai murni ini. Dengan secara tidak langsung pengabaian terhadap nilai-nilai murni ini terjadi yang berkesudahan melahirkan generasi masa hadapan yang kurang sensitif terhadap sesama manusia serta persekitaran.

Keruntuhan akhlak dikalangan pelajar semakin meruncing disebabkan masalah-masalah disiplin di sekolah. Menurut Azizi dan Rohaya (2010) masalah-masalah disiplin di sekolah adalah ponteng sekolah, datang lewat, merokok, peras ugut, masalah ketagihan, masalah sosial yang serius dan keadaan rambut yang tidak terurus. Beberapa faktor yang menjadi penyebab utama masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah seperti faktor pelajar, keluarga, sekolah, masyarakat, media masa, kerajaan dan rakan sebaya. Masalah-masalah disiplin pelajar-pelajar sekolah jika tidak dibendung akan berterusan bila para pelajar melanjutkan pelajaran mereka ke institut pengajian tinggi. Kepincangan akhlak ini memerlukan kerjasama semua pihak.

5.1.3 Transformasi daripada generasi X kepada Y adalah salah satu faktor lagi. Perubahan ini amat ketara sekali sekarang. Generasi Y banyak menghabiskan masa di hadapan komputer serta kurang berinteraksi sesama individu. Dengan itu, mereka mempunyai masalah komunikasi serta kadang kala masalah ini mengganggu pergaulan seharian mereka. Abdul Hamid sebagaimana dikutip oleh Salema (2006) menyatakan bahawa, “Kepesatan pembangunan, penggunaan alat canggih multimedia, kesibukan ibu bapa bekerja dan rapuhnya institusi kekeluargaan telah membawa generasi muda kepada kecenderungan negatif: khususnya gemar keseronokan, hiburan yang berlebihan, kemerosotan akhlak dan juga pencemaran budaya. Hal ini sangat menyayat hati para pendidik yang berkeprihatinan tinggi di negara kita.”

5.1.4 Terpengaruh dengan persekitaran baru terutamanya para pelajar yang baru didedahkan kepada alam hidup berdikari punca timbulnya kelunturan nilai murni ini. Kebanyakan tingkah laku mereka dipengaruhi oleh kawan-kawan dan bukan lagi ibu bapa. Ada kalanya para pelajar ini hanyut di dunia baru dan mereka tidak menyedari bahawa sesetengah tingkah laku adalah tidak bersesuaian dengan mereka. Apabila mereka berkawan dengan rakan-rakan yang kurang menitikberatkan nilai-nilai murni, maka mereka akan terpengaruh

dengan tingkah laku ini. Ini adalah kerana sesetengah pelajar merasakan tidak perlu mengucapkan salam serta mengucapkan terima kasih kepada guru kerana mungkin mereka kurang didedahkan dengan sifat-sifat terpuji begitu.

5.1.5 Kegagalan individu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri masing-masing adalah satu lagi puncanya. Ini adalah kerana dek kebiasaan, maka ada individu yang merasa sukar untuk berubah walaupun acap kali didedahkan kepada nilai-nilai murni ini. Ini adalah kerana perubahan perlu timbul dalam diri sendiri dan bukannya dari kehendak pihak lain.

5.1.6 Sikap sombong dan bongkak yang merasakan diri tidak memerlukan orang lain di sisi juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perkara di atas. Ini berkemungkinan individu terlibat diselaputi kemewahan serta sememangnya tidak pernah mengalami kegagalan serta musibah dalam hidup. Oleh sebab itu beliau merasakan tidak perlu untuk bergaul mesra serta mempunyai hubungan baik dengan individu yang lainnya.

Faktor-faktor yang disenaraikan merupakan antara faktor-faktor penyebab kenapa lunturnya sifat hormat ini. Secara kesimpulannya, individu terlibat perlulah muhasabah diri kerana hidup di dunia ini hanya sementara serta kita memerlukan individu lainnya dalam kehidupan seharian kita. Tidak salah dan rugi sekiranya seseorang individu itu mempunyai sifat-sifat murni termasuklah sifat hormat ini. Apatah lagi bagi para pelajar yang menginginkan ilmu dari para pendidik, sudah semestinya mereka perlu menghormati mereka supaya mendapat berkat di dunia dan akhirat.

6. Hasil kajian

Soalan-soalan mengenai nilai-nilai hormat pelajar dari perspektif para pensyarah dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu soalan-soalan mengenai nilai-nilai hormat secara am, nilai-nilai hormat para pelajar di dalam kelas dan nilai-nilai hormat di luar kelas atau luar kawasan kampus.

Jadual 1 di bawah menerangkan tentang peratusan jawapan para pensyarah untuk soalan-soalan berkaitan nilai-nilai hormat di kalangan para pelajar secara am.

No.	Soalan	1 Sangat Bersetuju %	2 Bersetuju %	3 Tidak pasti %	4 Tidak bersetuju %	5 Sangat tidak Bersetuju %
1.	Pelajar tahu menghormati pensyarah	0	57	33	10	0
9.	Pelajar berlagak pandai di hadapan pensyarah	3	23	30	44	0
14.	Pelajar tidak menjawab apabila ditegur oleh pensyarah apabila melakukan kesalahan	7	33	47	13	0
19.	Pelajar mematuhi etika berpakaian pelajar UiTM yang ditetapkan	3	37	17	40	3
21.	Secara keseluruhannya, saya merasakan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai nilai-nilai hormat terhadap para pensyarah	0	63	20	10	7

Jadual 1- Peratusan jawapan para pensyarah untuk soalan- soalan berkaitan nilai-nilai hormat di kalangan para pelajar secara am

Untuk soalan-soalan mengenai nilai hormat secara am, didapati 57% pensyarah percaya bahawa para pelajar mengetahui bagaimana menghormati pensyarah, 44% berpendapat para pelajar tidak berlagak pandai di hadapan pensyarah dan sebanyak 63% pensyarah bersetuju para pelajar kebanyakannya mempunyai nilai-nilai hormat terhadap para pensyarah. Dari aspek etika berpakaian di kalangan pelajar UiTM Perlis, seramai 40% daripada responden merasakan bahawa para pelajar tidak mematuhi etika berpakaian yang ditetapkan

oleh universiti. Untuk soalan mengenai akhlak para pelajar ketika diberi teguran oleh pensyarah, kebanyakan pensyarah menyatakan tidak pasti (47%) dan sebahagiannya berpendapat para pelajar menerima teguran yang diberikan oleh para pensyarah (33%).

Jadual 2 memberikan peratusan terperinci untuk jawapan para responden mengenai nilai-nilai hormat para pelajar di dalam kelas.

No.	Soalan	1 Sangat Bersetuju %	2 Bersetuju %	3 Tidak pasti %	4 Tidak bersetuju %	5 Sangat tidak Bersetuju %
3.	Pelajar tidak membuat bising ketika pensyarah berada di dalam kelas	3	17	12	47	10
6.	Pelajar tidak mendengar arahan pensyarah di dalam kuliah	0	17	20	63	0
11.	Pelajar berada di dalam kelas sebelum pensyarah masuk ke kuliah	3	30	27	37	3
15.	Pelajar duduk dengan sopan di hadapan pensyarah ketika kuliah	7	63	10	20	0
16.	Pelajar menggunakan telefon bimbit (membuat panggilan/SMS) ketika pensyarah sedang mengajar	10	37	20	30	3
17.	Pelajar berdiam diri apabila disoal oleh pensyarah dan membiarkan pensyarah menjawab sendiri soalan tersebut	14	33	23	27	3
18.	Pelajar membuat kerja lain semasa kuliah sedang dijalankan	6	27	30	37	0

20.	Pelajar tidak menjawab salam apabila pensyarah memberi salam di dalam kelas	0	7	17	73	3
-----	---	---	---	----	----	---

Jadual 2 - Peratusan terperinci untuk jawapan para responden mengenai nilai-nilai hormat para pelajar di dalam kelas

Untuk soalan-soalan mengenai nilai hormat para pelajar di dalam kelas, didapati 63% responden bersetuju para pelajar duduk dengan sopan di dalam kelas dan 63% responden bersetuju pelajar mendengar arahan pensyarah di dalam kuliah. Walaubagaimanapun, hanya 17% pensyarah bersetuju para pelajar tidak membuat bising ketika pensyarah berada di dalam kelas manakala hampir separuh daripada para pensyarah iaitu sebanyak 47% berpendapat para pelajar membuat bising ketika mereka berada di dalam kelas. Sementara itu, sebanyak 37% pensyarah menyatakan bahawa pelajar datang lewat ke kuliah. Manakala 30% pensyarah bersetuju bahawa pelajar kebanyakannya datang

awal. Apabila ditanya mengenai pandangan para pensyarah mengenai penggunaan telefon bimbit ketika pensyarah sedang mengajar didapati 37% mengatakan pelajar menggunakan telefon bimbit (membuat panggilan/menghantar sms) manakala 30% tidak bersetuju dan 20% tidak pasti. Seterusnya 33% responden bersetuju pelajar berdiam diri apabila disoal oleh pensyarah dan membiarkan pensyarah menjawab sendiri soalan tersebut. 27% responden tidak bersetuju manakala 23% tidak pasti.

Jadual 3 dibawah menerangkan nilai peratusan untuk jawapan para pensyarah untuk nilai-nilai hormat para pelajar di luar kelas ataupun di luar kawasan kampus.

No.	Soalan	1 Sangat Bersetuju %	2 Bersetuju %	3 Tidak pasti %	4 Tidak bersetuju %	5 Sangat tidak Bersetuju %
2.	Pelajar memberi salam apabila berjumpa pensyarah	3	63	14	17	3
4.	Pelajar memberi laluan apabila bertembung dengan pensyarah di luar kelas	3	47	33	10	7
5.	Pelajar bersalam dengan pensyarah selepas kuliah/ apabila berjumpa di luar waktu kuliah	10	53	23	14	0
7.	Pelajar mengucapkan terima kasih kepada pensyarah selepas kuliah/rundingan	10	76	7	7	0
8.	Pelajar tidak menggunakan bahasa yang sopan apabila meninggalkan memo/SMS kepada pensyarah	0	23	23	47	7
10.	Pelajar menawarkan diri untuk membantu pensyarah (membawa buku/beg pensyarah, memadam papan putih selepas kuliah)	10	30	14	36	10
12.	Pelajar menegur pensyarah apabila berjumpa di luar waktu kuliah/ di luar kampus	6	67	7	20	0
13.	Pelajar memberikan senyuman/melambai tanda hormat apabila ternampak pensyarah dari jauh	6	67	17	10	0

Jadual 3 - Peratusan untuk jawapan para pensyarah untuk nilai-nilai hormat para pelajar di luar kelas ataupun di luar kawasan kampus

Untuk soalan-soalan mengenai nilai hormat para pelajar di luar kelas atau luar kawasan kampus, seramai 63% pensyarah menyatakan para pelajar memberi salam ketika berjumpa dengan mereka, 47% bersetuju para pelajar memberi laluan kepada pensyarah apabila bertembung di luar kelas, 53% responden bersetuju pelajar mereka bersalam selepas kuliah atau berjumpa di luar waktu kuliah. Seterusnya, majoriti responden iaitu 76% daripada mereka bersetuju bahawa para pelajar mengucapkan terima kasih selepas kuliah atau rundingan. Untuk soalan samada para pelajar menggunakan bahasa yang sopan ketika meninggalkan memo/sms kepada pensyarah, sebanyak 47% bersetuju pelajar menggunakan bahasa yang sopan manakala segelintir daripada para pensyarah iaitu 23% tidak bersetuju pelajar menggunakan bahasa yang sopan ketika meninggalkan memo/sms kepada pensyarah. Untuk soalan samada para pelajar menawarkan diri membantu pensyarah membawa buku/beg pensyarah, hanya 30% responden bersetuju manakala 36% responden tidak bersetuju. Untuk soalan samada pelajar menegur pensyarah apabila berjumpa di luar waktu kuliah/luar kampus, lebih separuh daripada responden bersetuju iaitu sebanyak 67%. Jumlah yang sama juga iaitu 67% responden bersetuju pelajar memberikan senyuman/melambai tanda hormat apabila ternampak pensyarah dari jauh.

Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati para responden memberi persepsi bahawa kebanyakan para pelajar UiTM Perlis mempunyai nilai-nilai hormat terhadap para pensyarah. Di dalam keadaan-keadaan tertentu seperti menegur, memberi salam, bersalam, mengucapkan terima kasih dan sebagainya, para pelajar UiTM Perlis menunjukkan nilai hormat yang sepatutnya kepada para pensyarah. Akan tetapi di dalam situasi yang lain terutamanya di dalam kelas, sebahagian responden mempunyai persepsi bahawa sesetengah pelajar kurang mempunyai nilai hormat dari segi etika berpakaian, penggunaan telefon bimbit, membuat bising di dalam kelas dan tidak menjawab soalan ketika ditanya pensyarah.

7. Kesimpulan dan cadangan

Nilai hormat adalah salah satu nilai murni yang amat ditekankan lebih-lebih lagi di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Oleh kerana mereka adalah orang yang terpilih mewakili golongan remaja pada amnya, tingkahlaku mereka menjadi sebagai satu aras ukur untuk remaja-remaja lain di dalam masyarakat. Hasil kajian ini mendapati terdapat nilai-nilai positif iaitu hormat yang ditunjukkan oleh kebanyakan pelajar di insitusi yang dikaji iaitu UiTM Perlis. Walaubagaimanapun, terdapat juga perlakuan-perlakuan negatif yang ditonjolkan oleh sebilangan

pelajar terutama sekali di dalam kelas sepertimana didapati oleh hasil kajian. Justeru itu, cadangan-cadangan untuk mengubah perlakuan-perlakuan negatif itu adalah perlu bagi membentuk para pelajar yang sahsiah diri dan perlakuan mereka tidak boleh dipertikaikan lagi.

Cadangan-cadangan ini mengambil kira peranan para pelajar, ibu bapa, pensyarah dan institusi dalam mengubah sikap dan nilai negatif tersebut kepada pembentukan sikap dan nilai yang positif. Cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:

Peranan pelajar:

- a. Pelajar hendaklah beranggapan bahawa pensyarah adalah ibu bapa kedua mereka semasa di universiti. Jadi pensyarah perlu dihormati sebagaimana mereka menghormati ibubapa di rumah. Jadi, mereka hendaklah menjaga adab semasa berada di dalam kelas, seperti tidak membuat bising dan tidak menggunakan telefon bimbit semasa pensyarah sedang mengajar di dalam kelas. Di dalam segi peraturan pemakaian yang ditetapkan universiti, pelajar juga perlu mengambil berat berkenaannya.
- b. Rakan-rakan pelajar juga berperanan mendorong perlakuan positif didalam diri rakan-rakan mereka. Contohnya, jika rakan sekelas bersikap biadap terhadap pensyarah mereka, mereka perlulah menegur agar beliau berubah sikap. Setiap pelajar mesti sedar akan perbuatannya terhadap para pensyarah dan tidak sepatutnya bersikap keras kepala untuk mengubah kelakuan mereka. Para pelajar yang berkelakuan biadap terhadap pensyarah selalunya terdiri dari mereka yang mempunyai masalah samada keluarga, kewangan, pergaulan atau pelajaran dan kadang-kadang mereka inginkan perhatian dari orang di sekelilingnya. Menurut Asnah (n.d.), pada peringkat remaja inilah para pelajar selalunya merujuk kepada rakan sebaya untuk menyelesaikan konflik yang dihadapi dan sekiranya mereka memilih kelompok rakan setara yang tiada hala tuju seperti penagih dadah, maka akan musnahlah masa hadapan mereka. Dengan itu, rakan sebaya juga memainkan peranan yang besar dalam pembentukan insan kamil.
- c. Pelajar-pelajar terdorong bersikap tidak hormatkan pensyarah adalah mungkin kerana berpendapat bahawa kejayaan mereka didalam pelajaran adalah atas usaha

mereka sendiri semata-mata. Contohnya, pelajar yang tidak hormatkan pensyarah mungkin beranggapan bahawa pensyarah adalah diberi gaji untuk mengajar, jadi tidak perlulah mereka tunjukkan sikap hormat terhadap pensyarah atas alasan itu adalah tugas hakiki mereka. Pelajar-pelajar seperti ini perlulah sedar bahawa kejayaan mereka adalah atas usaha dan doa pensyarah-pensyarah mereka juga dan tidak semata-mata hanya atas usaha sendiri.

Peranan ibubapa:

- a. Ibubapa juga adalah contoh terdekat kepada pelajar. Jadi, mereka adalah cermin kepada pelajar mencontohi nilai hormat-menghormati ini. Menurut Faridah Embong (1989, dalam Kadajah Rohani Mohd Yunus dan Sapora Sipon, 2002), pendidikan ibubapa yang demokratik adalah pendekatan yang paling sesuai dewasa ini. Salah satu nilai yang ditekankan dalam konsep ini adalah nilai hormat-menghormati di antara ibubapa dan kalangan anak-anak remaja. Jadi, dengan tidak langsung nilai hormat-menghormati yang diselami di rumah akan dipraktikkan oleh golongan remaja ini apabila mereka melanjutkan pelajaran mereka.
- b. Ibu bapa perlu berkongsi masalah dengan anak-anak mereka yang mengharungi zaman keremajaan ini. Ini adalah kerana pada masa inilah para remaja ini mempunyai perasaan ingin tahu, kasih mengasihi serta mencuba. Sekiranya mereka tidak dihiraukan berkemungkinan mereka akan lebih terbawa-bawa ke alam keremajaan ini yang mana akan sedikit sebanyak mempengaruhi pergaulan mereka sehari-hari samada pergaulan dengan rakan sebaya juga para pensyarah serta masyarakat pada amnya.

Peranan institusi dan pensyarah:

- a. Kurikulum di institusi ini perlulah menekankan program-program yang menjurus kepada penerapan nilai-nilai hormat di kalangan pelajar. Contohnya, program-program motivasi dan kaunseling perlu diperbanyakkan lagi bagi mengingatkan pelajar tentang peri pentingnya nilai-nilai hormat ini di dalam kehidupan mereka.
- b. Disarankan juga di sini agar aktiviti-aktiviti melibatkan pergaulan para pensyarah dan pelajar dipelbagaikan bagi membina nilai hormat-menghormati di kalangan mereka.

Sebagai contoh, aktiviti-aktiviti berpasukan pada ‘Hari Sukan Universiti’ dan ‘gotong-royong amal’ perlu diadakan bagi para pelajar mendekati pensyarah-pensyarah mereka dengan lebih dekat lagi bagi mengenali hati budi mereka. Jadi, jika pelajar mengenali pensyarah-pensyarah mereka dengan dekat lagi, mereka tidak sampai hati menunjukkan sikap tidak hormat terhadap pendidik-pendidik mereka.

- c. Pensyarah-pensyarah perlulah menunjukkan sikap hormat terhadap para pelajar terlebih dahulu supaya sikap ini dicontohi oleh mereka. Sekiranya ada pelajar membuat kesilapan di dalam atau di luar kelas, pensyarah haruslah menegur dengan berhemah dan tidak memalukan pelajar tersebut di hadapan kawan-kawan beliau atau di hadapan khalayak ramai. Pensyarah juga perlu elakkan sikap pilih kasih pada pelajar-pelajar mereka yang tertentu sahaja. Ada kalanya pelajar mengambil sikap berbalas dendam terhadap pensyarah mereka. Jadi sikap ini ditonjolkan dengan cara bersikap tidak hormatkan pensyarah tersebut seperti tidak menegur beliau, membuat bising di dalam kelas dan tidak mengambil perhatian di dalam kelas.
- d. Pensyarah haruslah bersikap lembut tetapi tegas dalam menangani kerenah pelajar. Sebagai contoh, jika terdapat pelajar yang menggunakan telefon bimbit di dalam kelas atau duduk dengan secara tidak sopan, pensyarah haruslah menegur secara lembut samada kepada individu terbabit atau kepada keseluruhan pelajar di dalam kelas. Pensyarah boleh menggunakan sindiran halus atau kata-kata berunsur nasihat supaya perbuatan tersebut tidak diulang oleh pelajar. Pensyarah juga boleh mengenakan peraturan am tentang tingkahlaku pelajar di dalam kelas semasa permulaan semester. Contohnya, pensyarah menegaskan di permulaan semester yang penggunaan telefon bimbit di dalam kelas tidak dibenarkan kecuali jika terdapat hal-hal kecemasan.
- e. Pensyarah juga perlu wujudkan keadaan kelas yang tidak memberi tekanan terhadap pelajar dan suasana pembelajaran yang ceria. Contohnya, pensyarah mewujudkan satu suasana dimana pelajar dapat memberi pendapat mereka tanpa berasa malu atau takut dikritik oleh pelajar lain atau

pensyarah. Oleh itu, masalah pelajar tidak menjawab soalan pensyarah di dalam kelas mungkin dapat diatasi kerana mereka berasa senang atau selesa untuk mengemukakan pendapat atau jawapan mereka semasa di dalam kelas.

- f. Pensyarah perlu memainkan peranan dalam pembentukan jati diri para pelajar ini. Dengan itu perlulah diterapkan nilai-nilai murni dan sebagainya agar para pelajar ini tidak terus hanyut dalam kemodenan semata-mata tanpa mempunyai jati diri yang mantap dalam menghadapi arus globalisasi yang kian mencabar (Mohd AlFaizal, 2006). Nilai-nilai murni yang antaranya sifat hormat menghormati dan tolong menolong dapat memperbaiki sikap seseorang pelajar itu yang mana dengan adanya sikap-sikap tersebut para pelajar akan menjadi lebih tawaduk serta bersyukur terhadap ilmu yang dicurahkan serta memanfaatkannya. Dengan adanya sifat hormat ini tentulah suasana keadaan pembelajaran akan lebih teratur dan diberkati.

Nilai hormat para pelajar terhadap pendidik mereka di dalam institusi pengajian tinggi amatlah ditekankan kerana sikap pelajar pada tahap ini adalah satu cermin kepada masyarakat sekeliling. Jadi, diharapkan hasil kajian ini dan cadangan-cadangan dikemukakan dapat memberi sedikit sebanyak pengetahuan dan pembolehubah tentang nilai hormat pelajar di insitituti ini. Hasil kajian dan cadangan di dalam penulisan ini adalah tidak komprehensif untuk mewakili nilai hormat pelajar di keseluruhan institusi pengajian tinggi. Jadi, kajian lanjut perlu diteruskan bagi merungkai permasalahan tentang nilai hormat pelajar-pelajar universiti kepada pendidik mereka.

RUJUKAN

Ab.Rahman b. Mahmud dan Amidin b. Zin.(n.d.). *Amalan Nilai Murni Di Kalangan Pelajar: Satu Kajian Di Terengganu Darul Iman*. Jabatan Pendidikan Maktab Perguruan Kuala Terengganu .

<http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2003/abrahamMPKTKk.pdf>

Abdul Wahid Baharon. (1992). *Akhlag harian seorang Muslim*. Kuala Lumpur:

Perniagaan Maju Berjaya.

Abdur Rehman Shad. (1982). *Muslim Etiquettes*. Delhi: Taj Company.

Asnah Hamid (n.d.). Masalah sosial di kalangan remaja kini.

<http://asnahhamid.blogspot.com/nilai>

Aswati Hamzah. (2007). *Satu kajian skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar*

Melayu. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.

Dato' Sri Najib Razak.
<http://www.1malaysia.com.my>

<http://www.1malaysia.com.my/wp-content/uploads/2010/09/1MalaysiaBooklet.pdf>

Haji Raja Sulaiman bin Raja Hassan dan Hafliza binti Halili.(n.d).*Faktor-Faktor Yang*

Mempengaruhi Kejayaan Pelajar Kolej Matrikulasi Kedah Mengekalkan PNGS 4.00.

<http://www.kmk.matrik.edu.my/file/FaktorKejayaan.pdf>

Hoo Yee Wan. (2006).*Tahap pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar tingkatan 4*

di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru dan Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai

Johor.Tesis Master,Universiti Teknologi Malaysia.

H.K. Ch'ng, W.K. Chong dan Nakesvari.(2010).*The Satisfaction Level of Penang Private*

Colleges Lecturers. International Journal of Trade, Economics and Finance, Vol. 1, No. 2, August, pp 168-172.

Kamus Dewan Edisi ke 3 (2002), Dewan Bahasa dan Pustaka . Kuala Lumpur: Zulfadzli

Sdn. Bhd. Cetakan ke 7, 2002.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu*

Sekolah Menengah: Ekonomi Asas.

Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marwan Ibrahim Al-Kaysi. (2003). *Morals and Manners in Islam*. United Kingdom:

The Islamic Foundation.

Mohd AlFaizal Che Alui (2006). *Pengamalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar*

tingkatan 4 Sekolah menengah Kebangsaan Taman Universiti (2) yang diamalkan

dalam kehidupan seharian.Tesis Ijazah sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.

Salema Ahmad (2006). *Amalan nilai murni di kalangan guru bimbingan dan kaunseling*

dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah. Tesis master,

- http://eprints.usm.my/.../AMALAN_NILAI_MURNI_DI_KALANGAN_GURU_BIMBINGAN_DAN_KAUNSELING_DALAM_PERKHIDMATAN
- Kadajah Rohani Mohd Yunus dan Sapora Sipon. (2002). *Visi dan halatuju penyelidikan dan perkhidmatan kaunseling. (seting pendidikan)*. Kertas kerja Seminar Halatuju Kaunseling di IPTA anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kerjasama institusi pendidikan tinggi. Kuala Lumpur (unpublished).
- Yahaya, Azizi dan Ahmad, Rohaya (2010) *Masalah-Masalah Disiplin Di Sekolah*. Masalah-Masalah Disiplin Di Sekolah . pp. 1-3. (Unpublished).
<http://eprints.utm.my/10405/>
- Yahaya, Azizi dan Ahmad, Rohaya (2010) *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin Di Sekolah*. Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin Di Sekolah . pp. 1-5. (Unpublished)
<http://eprints.utm.my/10404/>
- Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003). Tahap penghayatan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan semasa menjalankan kerja amali bengkel. *Jurnal Teknologi*, 39(E), Disember 2003, ms 63-76.